

	Seperti dinyatakan semula 2022 RM	Pelarasan tahun lalu/perbezaan RM	Seperti dinyatakan sebelum ini 2022 RM
Penyata Prestasi Kewangan			
Hasil			
Urus Niaga Bukan Pertukaran (Ruj. (a))	14,821,548	19,800	14,801,748
Perbelanjaan			
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan (Ruj. (b))	1,862,137	73,982	1,788,155
Lebihan bagi Tahun	1,649,016	(54,182)	1,703,198

Rujukan (a):

Pelarasan melibatkan kategori aset bangunan iaitu Menaiktaraf Padang Awam Sintetik di Kubu Gajah, Selama Perak. Aset tersebut telah siap pada 30 Disember 2022 dan tidak direkodkan pada Penyata Kewangan yang lalu. Walaubagaimanapun, aset tersebut telah dibayar pada tahun semasa Tahun 2023 berjumlah RM19,800. Pelarasan ini melibatkan amaun kos yang dinyatakan semula pada 31 Disember 2022 bagi aset bangunan adalah berjumlah RM19,800 dengan memberi kesan kepada Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Pretasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

Ia memberi kesan pada amaun Aset Bukan Semasa disebabkan aset perlu direkod pada tahun 2022, manakala kesan perubahan pada Liabiliti Semasa disebabkan perlu direkod sebagai pemiutang tahun 2022. Ia juga perlu dinyatakan semula pada Geran Tertunda iaitu Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan pada tahun 2022.

Pada Penyata Prestasi Kewangan juga perlu dinyatakan semula disebabkan ia adalah aset dan hasil yang siap pada tahun 2022.

Rujukan (b):

Pelarasan melibatkan aset infrastruktur Jalan Bandaran yang telah berkurang ambil kira susut nilai aset pada tahun lalu iaitu RM73,982. Ia dilaraskan sebagai tambahan susut nilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 dan memberi kesan kepada Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Kedudukan Kewangan Tahun 2022.

ENAKMEN SUMBER AIR PERAK 2023

(Enakmen 18)

PERAK WATER RESOURCES ENACTMENT 2023

(Enactment 18)

No. 5708.

PEMBERITAHUAN CAJ AIR PERAK (PENGABSTRAKAN DAN PELENCONGAN AIR) 2025 DI BAWAH SEKSYEN 47

NOTIFICATION OF PERAK WATER CHARGES (ABSTRACTION AND DIVERSION OF WATER) 2025 UNDER SECTION 47

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 47(1)(a) Enakmen Sumber Air Perak 2023 [*Enakmen 18*], Pihak Berkuasa Negeri atas nasihat Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak menetapkan caj air bagi tujuan penggunaan dalam ruang (1) adalah pada kadar dalam ruang (2) Jadual, berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

JADUAL

Bil.	(1) Tujuan penggunaan	(2) Caj Air (RM)
1.	Pengabstrakan atau pelencongan air bagi tujuan—	
	(i) Komersial	0.11/meter padu
	(ii) Penjanaan hidroelektrik	50,000.00/MW
	(iii) Pengapungan panel solar	5.00/meter persegi/tahun
	(iv) Utiliti awam (air laut)	0.03/meter padu
	(v) Utiliti awam (selain air laut)	0.05/meter padu
	(vi) Komersial (akuakultur)	0.05/meter padu
	(vii) Penanaman padi	Percuma

2. Caj air ini hendaklah dibayar kepada Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak mengikut kaedah pembayaran yang ditentukan oleh Lembaga, berdasarkan bacaan penggunaan sumber air yang disukat melalui alat pengukuran atau perekodan yang diluluskan oleh Pengarah atau berdasarkan anggaran jumlah penggunaan sumber air yang dibuat oleh Pengarah.

Bertarikh 30 September 2025
[LPSA.PK.600-2/23/67; PU.PK. 4/2025]

MOHD IKRAM BIN AHMAD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak

In exercise of the powers conferred by paragraph 47(1)(a) of the Perak Water Resources Enactment 2023 [*Enactment 18*], the State Authority on the advice of the Perak Water Resources Management Board, prescribes the water charges for the purpose of use specified in column (1) at the rate set out in column (2) of the Schedule, with effect from 1 January 2026.

SCHEDULE

No.	(1) Purpose of use	(2) Water Charges (RM)
1.	Abstraction or diversion of water for the purpose of—	
	(i) Commercial	0.11/cubic metres
	(ii) Generation of hydroelectricity	50,000.00/MW
	(iii) Lifting of solar panel	5.00/square metres/year
	(iv) Public utility (sea water)	0.03/cubic metres
	(v) Public utility (other than sea water)	0.05/cubic metres
	(vi) Commercial (aquaculture)	0.05/cubic metres
	(vii) Paddy plantation	Free